

B B284 AAB

MAHATHIR - GANTUNG

(I)

KOTA KINABALU, 8 JULAI (BERNAMA) -- HUKUMAN GANTUNG KE ATAS RAKYAT AUSTRALIA BRIAN CHAMBERS DAN KEVIN BARLOW DI PENJARA PUDU SEMALAM DILAKSANAKAN SETELAH SEMUA PROSES PERUNDANGAN DIPERGUNAKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+SEBENARNYA, APA YANG KITA LAKUKAN MELEBIHI APA YANG BOLEH DILAKUKAN MENGIKUT PROSES UNDANG-UNDANG,+ PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR PADA AKHIR LAWATAN DUA HARINYA KE SABAH TENGAH HARI INI.

MENURUT PROSES UNDANG-UNDANG, LEMBAGA PENGAMPUNAN HENDAKLAH MEMPERTIMBANGKAN RAYUAN PENGAMPUNAN. INI TELAH PUN DILAKUKAN OLEH LEMBAGA DAN LEMBAGA YANG SAMALAH YANG SEJAK DAHULU MEMPERTIMBANG RAYUAN HUKUMAN MATI DAN TIADA SIAPA PUN YANG MEMPERTIKAIKANNYA, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENGULAS DAKWAAN PEGUAM KEDUA-DUA PESALAH RAKYAT AUSTRALIA ITU BAHAWA HUKUMAN ITU DILAKSANAKAN SEDANGKAN MASIH ADA PROSES UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPERGUNAKAN.

KATANYA, MUNGKIN KERANA MEREKA (CHAMBERS DAN BARLOW) RAKYAT AUSTRALIA DAN MUNGKIN KERANA WARNA KULIT MEREKA MAKA RAKYAT AUSTRALIA TIBA-TIBA BERASA SENSITIF TERHADAP HUKUMAN MATI. -- LAGI.
1839MST 08 07 86

B B289 AAB

MAHATHIR - GANTUNG 2 KOTA KINABALU

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA MENURUT PANDANGAN AUSTRALIA, NEGARA ITU MENENTANG HUKUMAN MATI DAN SEHUBUNGAN DENGAN ITU, MEREKA AKAN MEMBANTAH JIKA HUKUMAN ITU DILAKSANAKAN.

PERDANA MENTERI MERUJUKI PERISTIWA SEMASA PERSIDANGAN KOMANWEL APABILA REGIM PRETORIA HENDAK MENGGANTUNG SEORANG LELAKI DAN WALAUPUN +KITA SEMUA MEMBANTAHNYA, HUKUMAN DILAKSANAKAN JUA.+

+APABILA KITA MERENUNG KEPADA MASA SILAM, RAYUAN SEUMPAMA ITU PERNAH DIKEMUKAKAN KEPADA PERDANA MENTERI MEMINTA BELIAU MENGGUNAKAN JASA BAIKNYA TIDAK MENGANTUNG ORANG-ORANG TERTENTU TETAPI HUKUMAN DIJALANKAN JUGA,+ KATA BELIAU.

MENGENAI KENYATAAN PERDANA MENTERI AUSTRALIA ENCIK BOB HAWKE BAHAWA PELAKSANAAN HUKUMAN GANTUNG MERUPAKAN +TINDAKAN YANG TIDAK BERTAMADUN+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK BERMINAT DENGAN PANDANGAN ENCIK HAWKE.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA HUKUMAN MATI YANG DILAKSANAKAN DI MALAYSIA SEKARANG BUKANLAH SEPERTI PADA ZAMAN DAHULU APABILA HUKUMAN DILAKSANAKAN DENGAN MENIKAM MENGGUNAKAN PISAU. -- LAGI.

1850MST 08 07 86

U B294 AAB

MAHATHIR - GANTUNG 3 KOTA KINABALU

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA HUKUMAN GANTUNG DICONTOKI DARIPADA SISTEM PERUNDANGAN BARAT SENDIRI.

MENGENAI HUKUM BAHAWA TIADA SIAPA YANG BERHAK +MENGAMBIL+ NYAWA ORANG LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +ANDA HENDAKLAH BERTANYA KEPADA PENGEDAR-PENGEDAR DADAH INI DAHULU KERANA DENGAN MENGEDAR DADAH, MEREKA MERAGUT NYAWA ORANG LAIN.+

BERHUBUNG DENGAN PENDATANG HARAM, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEBOLEH-BOLEHNYA INGIN MENGHANTAR MEREKA PULANG KE NEGARA ASAL.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATANYA TIDAKLAH BOLEH DINAFIKAN BAHAWA SESETEGAH PENDATANG HARAM ITU BERGUNA UNTUK NEGARA KERANA MEMANDANGKAN MEREKA MERUPAKAN TENAGA BURUH UTAMA DALAM BEBERAPA BIDANG.

+RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH BERSEDIA MELAKUKAN PEKERJAAN YANG DAHULUNYA DILAKUKAN OLEH MEREKA JIKA KITA HENDAK MENGHANTAR MEREKA PULANG KE NEGARA ASAL MEREKA,+ KATA BELIAU.

YANG TURUT MENGHADIRI PERSIDANGAN AKHBAR ITU IALAH KETUA MENTERI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN DAN PARA MENTERI KABINET SABAH. --

BERNAMA
1904MST 08 07 86